

14/09/2002

'Jangan sensasi isu hantar pendatang'

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia dan Filipina mahu isu penghantaran pulang pendatang tanpa izin republik itu tidak disensasikan sehingga menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini berkata lagipun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan siasatan dijalankan terhadap beberapa aduan rakyat Filipina mengenai layanan buruk di pusat tahanan sementara itu.

"Malaysia akan mengambil tindakan wajar terhadap mereka yang didapati melanggar undang-undang berdasarkan kepada siasatan yang sedang dijalankan," katanya dalam kenyataan bersama selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Pertahanan Filipina Angelo Reyes di Kementerian Pertahanan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, kedua-dua kerajaan mahu melihat hubungan diplomatik yang erat dan mesra antara mereka seperti ditekankan Dr Mahathir serta Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

"Hubungan Malaysia dan Filipina yang erat ini amat dihargai kedua-dua negara dan ia perlu diperkembangkan serta diperkukuhkan," katanya.

Filipina baru-baru ini mempersoalkan tindakan Malaysia menghantar pulang pendatang tanpa izin dari republik itu serta mendakwa seorang daripada tahanan perempuan berumur 13 tahun dirogol ketika berada di salah sebuah pusat tahanan sementara itu.

Berikutan itu, pada 4 September lalu, Nur Jaafar, penasihat Presiden Filipina, Gloria Arroyo, mengetuai satu delegasi 10 orang bagi membincangkan penghantaran pulang pendatang Filipina dari Malaysia selain melawat pusat tahanan di Menggatal, Kota Kinabalu dan Sandakan di Sabah.

Nur Jaafar, yang juga bekas anggota kongres Filipina, berkata semua pusat tahanan itu dalam keadaan sangat baik berbanding dengan pusat tahanan serupa di negaranya sendiri.

Dalam kenyataan bersama itu juga Reyes memuji keprihatinan Dr Mahathir bagi menyelesaikan isu pendatang tanpa izin Filipina itu secepat mungkin dan jaminan beliau bahawa sesiapa yang didapati bersalah akan didakwa.

Selain itu, perbincangan hampir dua jam itu turut menyentuh perjanjian tiga penjuru bagi memerangi keganasan serantau antara Malaysia, Filipina dan Indonesia secara bersepadu di sempadan setiap negara.

Reyes juga berterima kasih kepada kerajaan Malaysia terhadap bantuan mereka dalam rundingan damai di wilayah Islam Mindanao yang amat penting bagi menyatupadukan masyarakat Islam di selatan Filipina, sekali gus mencegah keganasan di kawasan berkenaan.

Ditanya sama ada lawatan beliau kali ini khusus bagi membincangkan masalah pendatang tanpa izin Filipina, Reyes berkata ia hanya lawatan biasa bagi membincangkan isu berkepentingan bersama dengan rakan sejawatnya di sini.